

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.02/10.12/2 Jld. 3 (57)

18 April 2024  
9 Syawal 1445

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2024

### **PENGUATKUASAAN PERISYTIHARAN HARTA BAGI KRITERIA PEMILIHAN CALON ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 7/2024 bertarikh 3 April 2024 telah bersetuju meluluskan Penguatkuasaan Perisytiharan Harta bagi Kriteria Pemilihan Calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

2. Penguatkuasaan ini adalah sebagai penambahbaikan Universiti dalam usaha untuk meningkatkan peratusan kelulusan Perisytiharan Harta staf UTM serta memastikan semua staf mematuhi peraturan yang berkuat kuasa dalam kewajipan bagi seseorang penjawat awam untuk mengisytiharkan harta masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Peraturan yang berkuat kuasa bagi Perisytiharan Harta staf UTM adalah berdasarkan Akta 605 - Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Prosedur Pemilikan Harta dan Perisytiharan Harta UTM 2019 serta Penambahbaikan Proses Kerja Permohonan Perisytiharan Harta bagi staf yang gagal membuat Perisytiharan Harta melalui Pekeliling Pentadbiran UTM Bil. 51/2021.

3. Status kelulusan Perisytiharan Harta staf perlu berada dalam tempoh sah laku lima (5) tahun pada tahun penilaian semasa pemilihan calon bagi melayakkan staf untuk dipertimbangkan sebagai calon penerima APC setelah mengambilkira kriteria APC yang lain. Tempoh sah laku lima (5) tahun ini dikira berdasarkan tarikh terakhir kelulusan Perisytiharan Harta staf.

4. Dengan penguatkuasaan ini, staf yang gagal membuat Perisytiharan Harta tidak dapat dipertimbangkan sebagai penerima APC.

5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum berkenaan Penguatkuasaan Perisytiharan Harta bagi Kriteria Pemilihan Calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang berkuat kuasa mulai tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Kampus UTM Pagoh
  - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

NAI/GA/nfmn